KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PERUTURSAN TAHUN BAHARU 2026
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Syukur ke hadrat Ilahi, dengan izin dan rahmat-Nya, kita diberi kesempatan untuk melangkah ke tahun 2026. Tahun baharu ini membuka lembaran penuh peluang, harapan, dan amanah yang menuntut komitmen serta tanggungjawab setiap warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Sepanjang tahun 2025, JPSM telah mencatat pelbagai pencapaian membanggakan yang menegaskan usaha berterusan jabatan dalam pengurusan hutan yang mampan dan berintegriti. Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I berjaya dikekalkan di tujuh (7) negeri/FMU, manakala pensijilan MS ISO 9001:2015 dalam pengurusan dan operasi hutan turut berjaya dipertahankan. Lebih daripada 83% Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia telah disijilkan di bawah *Malaysian Timber Certification Scheme* (MTCS) dan diiktiraf di bawah *Programme for the Endorsement of Forest Certification* (PEFC). Ini menjadikan Malaysia diiktiraf sebagai negara terbaik di dunia dalam pengurusan hutan hujan tropika secara lestari.

Jabatan juga telah mengharungi transformasi secara menyeluruh untuk kekal relevan dan selari dengan aspirasi negara dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG) 2030 serta sasaran Pelepasan Karbon Sifar Bersih Menjelang 2050 (*Net Zero Carbon 2050*). Dalam hal ini, JPSM telah menetapkan Visi, Misi dan Objektif baharu serta menghasilkan Pelan Strategik JPSM 2026 – 2030 bagi merealisasikan reformasi perkhidmatan jabatan.

Bagi memperkukuh pengurusan dan integriti, penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 (Akta A1667) telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Kelantan. Komitmen JPSM dalam pemuliharaan hutan turut diiktiraf melalui dua (2) sijil anugerah *GovMedia Conference & Awards 2025*, iaitu *The Malaysia Campaign of the Year – Forestry* bagi Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dan *The Malaysia Training Program of the Year – Forestry* bagi Program Malim Gunung Perhutanan (MGP).

Di samping itu, Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Malaya menegaskan usaha bersama dalam memperkasakan akademik, penyelidikan, inovasi dan pembangunan modal insan. Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) juga tampil dengan wajah baharu melalui pembinaan dua (2) blok asrama moden dan kemudahan tambahan seperti surau, bilik rehat, pantri, pondok pengawal serta tempat letak kenderaan untuk kegunaan 190 orang pelatih FORTRAIN.

Dalam usaha memartabatkan pembangunan komuniti, JPSM turut terlibat dalam pelaksanaan program Kampung Angkat dan Sekolah Angkat MADANI masing-masing di Kampung Permatang Bogak dan Sekolah Kebangsaan Permatang Sintok, Pulau Pinang. Sebanyak 22 projek dan aktiviti telah dijalankan termasuklah dalam aspek penaiktarafan kemudahan dan infrastruktur serta pembangunan sosial warga komuniti dan sekolah yang terlibat.

Di peringkat antarabangsa, JPSM terus aktif dalam persidangan dan mesyuarat penting, termasuk *United Nations Forum on Forests* (UNFF 20) dan the *30th United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC-COP30), sekali gus menegaskan komitmen berterusan Malaysia terhadap agenda perubahan iklim dan kelestarian hutan.

Tumpuan yang konsisten turut diberikan terhadap pengukuhan prestasi pelaksanaan pembangunan di peringkat nasional. Dalam hal ini, JPSM telah berjaya membelanjakan sejumlah RM43,530,715.62 atau 99.99% daripada peruntukan pindaan pembangunan bagi RP5 RMK-12 Tahun 2025. Peruntukan ini telah dimanfaatkan bagi melaksanakan 30 projek pembangunan.

Bagi pihak Pengurusan Tertinggi JPSM, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga JPSM atas dedikasi dan usaha gigih sepanjang tahun 2025. Semoga komitmen ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan bagi memastikan kecemerlangan jabatan terus berkembang.

Memasuki tahun 2026, kita berdepan cabaran yang lebih besar dan menandakan fasa permulaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13). Bagi mencapai kejayaan cemerlang, kita perlu memastikan setiap perancangan strategik memberi impak positif kepada masyarakat, negara dan kelestarian sumber semula jadi.

Tahun ini menuntut kita untuk terus komited dalam memenuhi kenyataan Dasar Perhutanan Malaysia dalam mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi bagi kepentingan perkhidmatan ekosistem, konservasi kepelbagaian biologi, perlindungan alam sekitar dan penggunaan sumber secara berkekalan ke arah pembangunan sosioekonomi negara dan kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

Revolusi JPSM perlu diteruskan melalui pendigitalan penuh operasi jabatan, pengamalan ekonomi hijau dan karbon, pembangunan kapasiti sumber manusia yang berdaya saing, berfikiran global serta pengukuhan tadbir urus antara agensi dan kerajaan negeri. Dalam konteks ini, reformasi budaya kerja menjadi keperluan utama untuk melahirkan budaya kerja yang dinamik, progresif, berorientasikan prestasi tinggi, berintegriti dan profesional. Kita bukan sahaja penjaga hutan, tetapi pemangkin kepada masa depan lestari. Sudah tiba masanya untuk kita menjadi generasi perubahan yang membawa impak nyata.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Dalam melaksanakan amanah memelihara khazanah hutan negara, kita wajar menginsafi hakikat bahawa tanggungjawab ini melangkaui kepentingan semasa. Seperti yang pernah diungkapkan oleh Kofi Annan, mantan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kita adalah pemegang amanah bumi ini untuk generasi yang akan datang (*We are the custodians of the planet for future generations*).

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2026 kepada seluruh warga JPSM. Semoga tahun ini membawa kejayaan lebih gemilang, meningkatkan prestasi jabatan, dan memperkukuh peranan kita dalam memastikan hutan negara kekal lestari demi manfaat generasi kini dan akan datang.

Hijau rimba warisan pertiwi,
Sumber kehidupan sepanjang zaman,
Melangkah ke hadapan dengan visi,
Mencorak masa depan penuh harapan.

Hutan lestari asas kemakmuran,
Sejahtera alam, sejahtera insan,
Bersatu hati memperkukuh perkhidmatan,
Malaysia MADANI jadi pegangan.

Selamat Menyambut Tahun Baharu 2026

DATO' HAJI ZAHARI BIN IBRAHIM
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia